



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SERI KONG CHO HA**

**MENTERI PENGANGKUTAN**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN 1KEMENTERIAN,**

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**16 JANUARI 2012**

---

Yang dihormati saudara dan saudari Pengerusi Majlis

Y. Bhg. Dato' Yap Kin Sian,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Yang Berusaha Puan Ruhaizah Mohamed Rashid  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit serta warga kementerian yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Saya mengucapkan syukur kepada tuhan kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam perhimpunan 1MOT bagi bulan Januari 2012 pada pagi ini.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan kerana menjadi tuan rumah perhimpunan 1MOT pada kali ini. Perhimpunan bulan ini juga merupakan pembuka tirai bagi tahun 2012.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Pada hemat saya, pelaksanakan projek-projek pembangunan sepanjang tahun ini telah dapat kita laksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Walaupun terdapat beberapa projek yang melepas jadual, kementerian tetap berusaha untuk memastikan agar semua projek-projek pembangunan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan serta memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Pada tahun 2011 sahaja, sebanyak **RM4.007 billion** di peruntukan kepada Kementerian inibagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Pun begitu, di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), RMKe-10 bagi tempoh 2011-2012 Kerajaan telah memperuntukan sebanyak **RM9.25 billion** bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, manakala *Rolling Plan* Kedua (RP2), RMKe-10 bagi tempoh 2012-2013, sejumlah **RM10.88 billion** telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan yang saya kira dapat memberikan faedah yang besar kepada rakyat di negara ini.

Projek-projek pembangunan seperti Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Ipoh ke Padang Besar, Seremban ke Gemas dan Gemas ke Johor Bharu;Projek Sambungan ERL ke KLIA 2;Projek landasan keretapi Subang Jaya – Sungai Buloh (Fasa 1: Subang Jaya – Sri Subang);Projek-projek pembangunan dan penaiktarafan lapangan terbang di Kota Kinabalu, Kuching, Sibu, Kota Bahru dan Ipoh;Projek pembangunan dan penaiktarafan sistem kawalan dan pengurusan trafik udara; dan juga Projek Menambahbaik Sistem Pengangkutan Awam Bandar di bawah inisiatif NKRA, merupakan 83 projek yang sedang dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10.

Namun perlaksanaan terhadap usaha ini perlu kita lakukan dengan lebih berkesan agar ianya dapat memberikan keyakinan kepada rakyat dan sekali gus dapat meningkatkan kepercayaan mereka terhadap usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan.

Saya berkeyakinan usaha yang kita lakukan sepanjang tahun ini akan dapat memberikan impak dan kesan yang besar kepada semua pihak khususnya rakyat. Justeru, semua pihak termasuk agensi di bawah Kementerian ini, disaran agar dapat menyegerakan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan dengan mengambil kira pemantauan prestasi projek supaya tidak berlaku kelewatan yang boleh menjelaskan pencapaian dan prestasi MOT pada keseluruhannya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Baru-baru ini kita telah berjaya mengekalkan keanggotaan dalam IMO pada persidangan yang diadakan di London. Sehubungan itu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sektor maritim atas usaha yang dilakukan sehingga kita terpilih sekali lagi bagi tempoh 2012-2013.

Saya percaya sekiranya usaha berterusan ini dapat dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan berkesan maka sudah tentu kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih besar dalam menyakinkan masyarakat dunia terhadap komitmen negara ini bagi menjaga keselamatan pengairan antarabangsa khususnya di Selat Melaka.

Pada Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2012 dan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada seluruh warga MOT. Harapan saya semoga sambutan perayaan Tahun Baru Cina kali ini akan memberi kesejahteraan dan iltizam yang cukup bermakna dalam usaha kita meningkatkan imej dan peranan Kementerian serta agensi di bawah

Kementerian ini untuk mencapai tahap lima bintang pada tahun hadapan. Saya percaya komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh daripada tuan-tuan dan puan-puan warga MOT akan mewarnai kejayaan Kementerian ini pada masa-masa akan datang.

Akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa pengajur serta seluruh warga MOT kerana berjaya mengadakan majlis perhimpunan 1MOT pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.